

16/07/1998

Sokongan rakyat bantu pulih ekonomi

SESEBUAH negara boleh memiliki segala sumber kekayaan atau sistem ekonomi yang cukup mantap. Tetapi, ia tidak lengkap selagi segala dasar yang digubal tidak mendapat sokongan rakyat. Ini kerana sikap rakyat di sesebuah negara memberi kesan besar kepada faktor kestabilan. Sebagaimana dinyatakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam wawancara menerusi RTM malam semalam, disebabkan yakin sokongan padu rakyatlah, kerajaan berani mengambil pelbagai tindakan untuk memulihkan ekonomi negara. Seandainya rakyat berpandangan serong terhadap apa saja yang dilakukan kerajaan terutama dalam tempoh setahun lalu, rasanya sudah lama ekonomi negara ini runtuh. Hakikatnya, keadaan ekonomi negara ini yang masih mampu bertahan dan mula bergerak ke arah pemulihan, adalah hasil sokongan padu rakyat. Ini terbukti kerana belum ada tanda protes rakyat, apatah lagi untuk menimbulkan huru-hara, rusuhan dan mogok, berikutan langkah kerajaan melakukan sesuatu yang bertentangan dengan kehendak rakyat. Apa saja dasar dan mekanisme yang diperkenalkan untuk membendung kemerosotan ekonomi, sentiasa diterima dengan positif.

Sesungguhnya, kegawatan ekonomi mengajar rakyat supaya lebih berdisiplin dan mengurus ekonomi keluarga dengan lebih berhemat. Jika dulu mereka berbelanja tanpa menghitung apa yang berlaku keesokan harinya, sekarang mereka begitu berhati-hati. Apa saja yang mereka lakukan, mengambil kira dari segi kepentingannya. Sikap membazir yang menjadi amalan sebelum ini, mula dikurangkan. Apa yang membanggakan, rakyat sanggup mengurangkan sedikit pendapatan mereka kerana sedar kerajaan memerlukan pengorbanan daripada mereka. Sekali pun ada yang terpaksa diberhentikan oleh majikan, mereka tidak menyalahkan kerajaan. Sebaliknya, mereka cuba mendapatkan pekerjaan baru berdasarkan jaminan kerajaan bahawa peluang pekerjaan masih terbuka luas, asalkan tidak memilih kerja.

Semua faktor ini adalah perkembangan positif yang meyakinkan kerajaan bahawa ekonomi negara dapat dipulihkan dalam tempoh yang lebih singkat daripada ramalan. Lebih daripada itu, rakyat secara rela hati turut menderma kepada beberapa tabung yang ditubuhkan, dengan matlamat untuk meringankan beban kerajaan. Meskipun kutipan yang dikumpul setakat ini kecil, namun ia menjadi perangsang kepada kerajaan untuk memulihkan keadaan ekonomi.

Rasanya, rakyat bukan saja faham dengan keadaan semasa, malah mereka begitu yakin kerajaan tidak melakukan sesuatu tanpa mengambil kira kepentingan rakyat. Kefahaman mereka berdasarkan kepada kejelasan mesej yang disampaikan menerusi maklumat dari atas ke bawah yang dibuat dari semasa ke semasa. Wawancara Bersama Perdana Menteri yang diadakan itu adalah salah satu cara rakyat dimaklumkan mengenai perkembangan mutakhir di negara ini.

Bagi kerajaan, tidak ada rahsia yang harus disembunyikan daripada pengetahuan rakyat. Jika rakyat mempunyai pandangan berbeza mengenai sesuatu perkara, mereka boleh menyuarakan pendapat menerusi saluran tertentu. Cara ini sudah menjadi amalan di negara ini. Pada kita, ini satu lagi perkara penting yang membezakan antara Malaysia dan negara lain. Sesetengah kerajaan melakukan sesuatu rancangan tanpa memberi maklumat yang jelas kepada rakyatnya. Ini bukan kerana kerajaan negara berkenaan bimbang menghadapi rakyatnya. Mereka bimbang rancangan yang mereka laksanakan mendapat tentangan daripada rakyat. Keadaan seperti ini hanya menyebabkan rakyat kabur dengan apa yang dilakukan oleh kerajaan mereka.

Di negara ini, kerajaan memaklumkan kepada rakyat apa saja yang sudah dan akan dilaksanakan. Walau pahit sekalipun, rakyat mesti dimaklumkan berhubung apa saja tindakan kerajaan untuk menangani sesuatu masalah.

Sebagai contoh, sebelum ini rakyat tertanya-tanya mengapa kerajaan harus menolak bantuan daripada Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF), tetapi selepas diberi penjelasan terhadap kesan yang akan ditanggung, rakyat menganggap kerajaan membuat keputusan yang bijak. Meskipun sesuatu maklumat yang disampaikan itu memberi kesan kepada rakyat, ia terpaksa diberitahu supaya rakyat faham mengenai sesuatu keadaan. Ketelusan amat penting bagi mengelakkan rakyat salah faham terhadap sesuatu tindakan, terutamanya bagi mengelakkan tuduhan kerajaan membelakangkan rakyat. Kita yakin, selagi rakyat menyokong langkah kerajaan, negara ini tidak akan menghadapi masalah yang lebih parah. Masa akan menentukan kerajaan dapat membetulkan masalah ekonomi yang kita hadapi sekarang.

(END)